

# Fakulti Kejuruteraan UPM menang anugerah kualiti

FAKULTI Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia (UPM) meletakkan sasaran muncul sebagai fakulti kejuruteraan terbaik di rantau Asia Pasifik selepas memenangi Anugerah Kualiti Ketua Setiausaha Negara 2003, bulan lalu.

Dekannya, Prof Dr Radin Omar Radin Sohadi, berkata proses pendidikan dan kegiatan penyelidikan di fakulti itu sentiasa diperkuuh agar terdapat peningkatan kualiti secara berterusan.

Beliau berkata, fakulti itu juga sentiasa membandingkan kurikulum pengajiannya dengan universiti terbaik di dunia agar kandungannya setara dengan perkembangan pada peringkat global.

"Pada 1999, kita bermula dengan visi untuk menjadi universiti bertaraf dunia dan dari situ, fakulti ini mewujudkan sistem pengurusan kualiti bagi memastikan proses pendidikan dan penyelidikan kejuruteraan yang terbaik."

"Fakulti Kejuruteraan melantik pemeriksa luar di kalangan profesor dari University of Stanford dan Georgia Institute of Technology di Amerika Syarikat dan Imperial College serta Sheffield University di

United Kingdom.

"Kita juga membandingkan proses pendidikan di sini dengan fakulti kejuruteraan di Asia Tenggara seperti National University Singapore dan hasilnya didapati pengajaran dan pembelajaran kita hampir setara dengan pendidikan di universiti terbaik di rantau ini," katanya di Serdang, Selangor, semalam.

Beliau yang dilantik sebagai Dekan fakulti itu sejak 1999 dibantu oleh timbalan dekan (Penyelidikan dan Siswazah) Prof Madya Dr Azmi Yahya, Timbalan Dekan (Akademik), Prof Madya Dr Shamsudin Sulaiman dan Timbalan Dekan (Pembangunan), Prof Madya Dr Husaini Omar.

Dr Radin Omar berkata, Sistem Pengurusan Kualiti Fakulti Kejuruteraan UPM berjaya mengurangkan jumlah pelajar ijazah pertama yang gagal daripada enam peratus pada 1999 kepada 0.8 peratus tahun lalu.

Katanya, jumlah pelajar mendapat Anugerah Senarai Dekan, iaitu yang mencatatkan Nilai Gred Kumulatif melebihi 3.5 juga meningkat dari tujuh peratus pada 1999 kepada 30 peratus tahun lalu, termasuk peningkatan jumlah pelajar Bumiputera.